

Dr M mahu semua rakyat sokong BN

P

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua rakyat, termasuk masyarakat Cina, memberi sokongan padu kepada Barisan Nasional (BN) bagi menjamin kestabilan serta pembangunan pesat negara, berkekalan.

Perdana Menteri berkata, BN berjaya membuktikan kemampuan menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan menguruskan ekonomi negara dengan cekap serta bijak.

"Oleh itu, adalah amat penting BN terus mendapat sokongan kuat semua rakyat, termasuk masya-

rakat Cina. Tidak ada pilihan lain yang dapat menggantikan BN. Pakatan antara parti komponen dalam BN adalah tetap, bukan seperti pakatan antara parti pembangkang yang hanya wujud apabila pilihanraya umum muncul.

"Saya percaya jika prinsip kerjasama dan perpaduan dalam BN tidak diperkenalkan, Malaysia akan menjadi seperti negara lain yang mempunyai penduduk berbilang kaum tetapi sering menghadapi rusuhan," katanya merasmikan Persidangan Perhimpunan Agung

BM 27 JUN 1993

MCA ke-40 di sini, semalam.

Turut hadir ialah pemimpin parti komponen BN, antaranya Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Presiden PBDS, Datuk Leo Moggie.

Dr Mahathir seterusnya mengingatkan penduduk berbilang kaum di negara ini supaya menghakiskan semangat perkauman yang menebal.

"Sebaliknya mereka hendaklah berusaha meningkatkan perpaduan dan persefahaman serta mengelakkan bertindak

sesuatu yang boleh menjejaskan kestabilan politik negara," katanya.

Menurut beliau, hanya melalui kestabilan politik, kerjasama semua kaum dan keyakinan rakyat Malaysia saja dapat memastikan Wawasan 2020 mencapai kejayaan.

"Keyakinan itu bukanlah berasaskan keangkuhan, sebaliknya berdasarkan kesedaran bahawa matlamat Wawasan 2020 adalah realistik selepas mengambil kira kemampuan rakyat dan prestasi ekonomi negara.

"Saya percaya kemung-

LIHAT MUKA 2

ke-40, semalam.

BM 27 JUN 1993

Kepentingan parti prinsip BN

DARI MUKA 1

kinan negara menjadi sebuah negara maju bukanlah satu khayalan atau impian pada siang hari, tetapi satu realiti," katanya.

Dr Mahathir berkata, BN yang berpegang kepada prinsip mengutamakan kepentingan parti dan negara daripada diri sendiri atau mana-mana kumpulan kerana jika BN tunduk kepada mana-mana individu atau kumpulan, BN akan menghadapi kehancuran.

Mengenai MCA, beliau berkata, ia adalah satu parti komponen BN yang penting dan banyak menyumbang ke arah membantu Malaysia menjadi sebuah negara stabil, bersejahtera, maju dan makmur.

Katanya, sikap sederhana dan realistik pemimpin parti itu membolehkan BN menyelesaikan dengan baik banyak masalah tanpa menjejaskan perpaduan dan kestabilan negara.

"Sebagai parti yang mewakili masyarakat Cina,

MCA berjaya menjaga hak kepentingan yang berpatutan kaum berkenaan. MCA tidak bersifat ekstrim dan perkauman seperti DAP, menyebabkan ia lebih diterima oleh masyarakat Cina dan sebahagian besar masyarakat Melayu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir seterusnya memuji beberapa projek yang dilaksanakan oleh MCA kerana ia banyak memberi faedah kepada masyarakat Cina, termasuk projek Langkawi.

Katanya, kerajaan menyokong projek pendidikan Langkawi itu kerana ia bukan saja untuk memenuhi kepentingan kaum Cina tetapi turut memanfaatkan kaum bukan Cina.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata, kerajaan akan menyalurkan sejumlah peruntukan kepada projek berkenaan, yang bertujuan meningkatkan pencapaian akademik kepada pelajar di luar bandar.